

SKEMA JAWAPAN

(TINGKATAN 5)

Logo sekolah

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026
PEPERIKSAAN PERCUBAAN

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 JAM

MARKAH PENUH :100

1.0 Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam ;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
 - 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut
-

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHAGIAN A : KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN
[30 MARKAH]
KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 –30 (28 -30) (26 –27)	<u>Tema/ Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas - Huraian jelas dan matang <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu - Penggunaan tanda baca betul dan tepat <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan - Laras bahasa sesuai mengikut tugas - Wacana lengkap - Pemerenggan sesuai *Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain
KEPUJIAN	20-25 (23-25) (20-22)	<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugas - Huraian jelas <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/ Tugasan</u> • Karangan masih menepati tema bahan ransangan/ tugasan <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan ransangan/ tugasan. • huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas/ terhad • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi • Ejaan masih mengikut sistem ejaan rumi baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan • Wacana masih lengkap • Pemerenggan masih sesuai
PENGUASAAN MINIMUM	10-14 (12 - 14) (10 – 11)	<u>Tema/ Tugasan</u> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugasan <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. • Huraian kurang jelas <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara • Penggunaan kosa kata terhad • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi

		- Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara Pengolahan - Pengolahan kurang menarik - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas - Wacana kurang lengkap - Pemerenggan kurang sesuai
TIDAK MENCAPI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	1-9 (6-9) (1-5)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/ tugas Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHAGIAN B : KARANGAN RESPONS TERBUKA
[70 MARKAH]
KRITERIA PENSKORAN

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (MEKANIS)	- kegramatisan - kata(morfologi) - ayat (sintaksis) - tanda baca - ejaan
1. LARAS (DINAMIS)	Pemilihan kosa kata
1. IDEA (ISI)	- Tema - Isi utama - Pengembangan (huraian/bahasa/hujahan/contoh) - Kerelevanan
1. PENGOLAHAN	- Wacana - Logik - Pemerenggan - Format
1. GAYA BAHASA	- Keindahan Bahasa - Ungkapan - Peribahasa

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
KEPUJIAN	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>Tugasan</u> - Karangan <u>menjawab</u> tugas <u>Idea</u> - Idea <u>relevan</u> mengikut tugas - Huraian <u>jelas</u>. - Contoh yang <u>sesuai</u> <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang <u>gramatis</u> tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan • Pemerenggan yang sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan • Laras bahasa sesuai mengikut tugas
BAIK	45 –54 (50 - 54) (45 - 49)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35 - 44 (40 –44) (35 –39)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan masih / kurang menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.

		Pengolahan • Pengolahan kurang menarik • Pemerenggan kurang sesuai • Wacana masih / kurang lengkap • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas
PENGUASAAN MINIMUM	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	TUGASAN • Karangan kurang menjawab tugas IDEA • Idea masih relevan mengikut tugas/bercampur aduk • Huraian tidak jelas/ tidak berkembang • Contoh yang tidak sesuai BAHASA • Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami • Penggunaan kata kurang tepat • Penggunaan kosa kata umum dan terhad • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan PENGOLAHAN • Pengolahan tidak menarik • Pemerenggan tidak sesuai/ tidak seimbang • Wacana tidak lengkap
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	1-20 (11-20) (1-10)	• Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.



2.3 Pemeriksa hendaklah memberi **komen** pada karangan yang diperiksa.

3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

- () = Kesalahan isi
- _____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // = Kesalahan ejaan yang berulang
- = Kesalahan tanda baca

BAHAGIAN A [30 markah]

*Grafik dan petikan di bawah menunjukkan maklumat berkaitan **kerjaya di Malaysia**.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **faktor-faktor pemilihan kerjaya di Malaysia**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*



Minat menjadi pendorong utama dalam pemilihan kerjaya kerana setiap individu mempunyai semangat untuk melaksanakan tugas yang memberikan kebahagiaan kepada diri mereka.

Sumber : cem.upm.edu.my

T- menepati tema
I- relevan, huraian jelas
B- gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
P- sangat menarik dan berkesan.

Tugasan : **Faktor-faktor pemilihan kerjaya di Malaysia.**

Kehendak soalan : **Murid dikehendaki menghuraikan faktor-faktor pemilihan kerjaya di Malaysia.**

Isi :

- **Pendapatan lumayan**

Masa depan terjamin.

Taraf hidup keluarga dapat ditingkatkan.

Hidup lebih selesa dan mewah.

Memenuhi segala keinginan dengan mudah

- **Minat menjadi pendorong utama**

Keseronokan bekerja.

Komitmen dalam pekerjaan.

Peluang naik pangkat/jawatan.

Kepuasan dalam kerjaya yang diidamkan

1. Murid perlu menyentuh **SEMUA BAHAN** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan. Sekiranya murid menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **faktor-faktor pemilihan kerjaya di Malaysia** (disemak dan diperiksa seperti biasa)
2. Jika murid tidak menyentuh semua bahan (maksimum peringkat **KEPUJIAN**)
3. Murid yang menulis **MELEBIHI** 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir (maksimum peringkat **KEPUJIAN**)
4. Murid menulis kurang 140 patah perkataan (maksimum peringkat **MEMUASKAN**)

Jika murid menulis dalam bentuk point (maksimum tidak mencapai tahap penguasaan minimum) (**TMTPM**)



Soalan 1

Lagu tradisional Malaysia mencakupi pelbagai genre seperti lagu rakyat, irama Melayu asli, zapin dan joget. Lagu-lagu ini menggabungkan seni kata puitis dengan alunan muzik yang mencerminkan budaya pelbagai kaum. **Namun irama ini kurang popular berbanding muzik moden.** Lambakan muzik moden mengambil alih pasaran utama sekali gus menyebabkan permintaan komersial untuk irama tradisional menurun

Sumber : www.utusan.com.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan pelbagai cara yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut.

Kehendak/Tugasan soalan: Calon dikehendaki menghuraikan **pelbagai cara** yang perlu dilaksanakan bagi mempopularkan Lagu Tradisional

1. Penggiat seni/masyarakat bekerjasama untuk merakamkan album /koleksi lagu tradisional
 2. Pihak Kerajaan menyediakan dana /peruntukan untuk menganjurkan konsert lagu tradisional
 3. Pihak Kerajaan bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan untuk mempromosikan kepada pelancong tempatan dan luar
 4. Ibu bapa menggalakkan anak-anak mempelajari lagu tradisional dan mendedahkan anak-anak tentang lagu tradisional
- **Terima mana-mana jawapan lain yang relevan**

Soalan 2

Warganegara yang baik dapat kita temui dalam pelbagai aspek kehidupan, seperti dalam kehidupan sosial, politik, dan ekonomi. **Individu yang memiliki sikap positif dan mematuhi undang-undang di dalam sesebuah negara** merupakan salah satu ciri warganegara yang baik. Pembentukan sesebuah negara aman dan harmoni penting untuk kemajuan sesebuah negara.

Sumber : Internet 24 Februari 2024

Huraikan ciri-ciri warganegara yang baik dalam petikan berserta ciri-ciri lain.

Kehendak/Tugasan soalan: Calon dikehendaki menghuraikan ciri-ciri warganegara yang baik\Cadangan idea petikan

1. Memiliki sikap yang positif
2. Mematuhi undang-undang di dalam sesebuah negara

Cadangan idea lain

3. Berilmu pengetahuan
 4. Mempunyai semangat patriotisme
- **Terima mana-mana jawapan lain yang relevan**

Kemungkinan jawapan :

1. Murid menghuraikan **isi dalam petikan dan menghuraikan idea-idea lain** berkaitan dengan ciri-ciri warganegara yang baik – **diterima seperti biasa.**
2. Murid **tidak mengambil idea dalam petikan tetapi mengemukakan idea lain – maksimum peringkat KEPUJIAN**
3. Murid menghuraikan **isi dalam petikan sahaja – terima seperti biasa**
4. Murid menghuraikan **selain ciri – maksimum peringkat MEMUASKAN**

Soalan 3

Sempena ulang tahun yang ke-50, Malaysia dan Bahrain telah mengesahkan komitmen untuk mengukuhkan kerjasama dua hala tentang hubungan diplomatik negara bagi **memupuk masa depan negara yang lebih makmur**. Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar kedua-dua buah negara, Malaysia dan Bahrain berjanji untuk memanfaatkan platform sedia ada seperti Jawatankuasa Tinggi Bersama Kerjasama Dua Hala bagi memperdalam kerjasama tersebut

Sumber: *Sinar*, 23 Disember 2024

Selain kepentingan mengukuhkan kerjasama dua hala tentang hubungan diplomatik negara yang dinyatakan dalam petikan, bincangkan kepentingan-kepentingan lain perkara tersebut.

Kehendak/Tugasan soalan:

Calon dikehendaki menyatakan kepentingan mengukuhkan kerjasama dua hala tentang hubungan diplomatik negara.

Calon tidak boleh menggunakan idea dalam bahan iaitu **memupuk masa depan negara yang lebih makmur**

Cadangan idea lain:

1. Memacu pertumbuhan ekonomi melalui perdagangan
2. Memelihara kedaulatan negara di peringkat global-penyelesaian konflik
3. Perkongsian ilmu dan teknologi
4. Bantuan kepakaran/kebajikan

- **Terima mana-mana jawapan lain yang relevan**

Kemungkinan jawapan :

1. Murid menghuraikan **isi dalam petikan dan menghuraikan idea-idea lain** berkaitan dengan kepentingan **mengukuhkan kerjasama dua hala merentasi pelbagai sektor – maksimum KEPUJIAN.**
2. Murid **tidak mengambil idea dalam petikan tetapi mengemukakan idea lain – diterima seperti biasa**
3. Murid menghuraikan **isi dalam petikan sahaja – maksimum peringkat BAIK.**
4. Murid menghuraikan **selain kepentingan – maksimum peringkat MEMUASKAN**

Soalan 4

Banyak bangsa yang maju di dunia masih mengekalkan pakaian tradisional mereka. Bangsa Jepun, China, Korea menjadikan pakaian tradisional ini sebagai ikon yang dibanggakan. Begitu juga British, Irish dan negara barat lain tidak mencampuradukkan pakaian tradisi mereka. Malah pakaian ini terus dibudayakan terutama apabila menyambut keraian dan upacara ritual.

Dipetik daripada : *Sinar Harian*, 2 Jun 2019

Berdasarkan petikan, terdapat pelbagai usaha untuk mengekalkan pakaian tradisional negara masing-masing.

Beri komen anda.

Kehendak/Tugasan soalan : Calon dikehendaki menyatakan pelbagai usaha untuk mengekalkan pakaian tradisional negara masing-masing berdasarkan petikan

Cadangan idea dalam bahan

1. Menjadikan pakaian tradisional ini sebagai ikon yang dibanggakan
2. Tidak mencampuradukkan pakaian tradisi mereka.
3. Pakaian ini terus dibudayakan terutama apabila menyambut keraian dan upacara ritual.

Cadangan idea lain

4. Kerajaan menganjurkan festival pakaian tradisional negara-peragaan

- Terima mana-mana jawapan lain yang relevan

Kemungkinan jawapan :

1. Murid menghuraikan **isi dalam petikan dan menghuraikan idea-idea lain** berkaitan dengan pelbagai usaha untuk mengekalkan pakaian tradisional negara – **diterima seperti biasa.**
2. Murid **tidak mengambil idea dalam petikan tetapi mengemukakan idea lain – maksimum peringkat KEPUJIAN**
3. Murid menghuraikan **isi dalam petikan sahaja – diterima seperti biasa.**
4. Murid menghuraikan **selain usaha – maksimum peringkat MEMUASKAN**

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT